

1 MAC 2018

NS serius tangani salah guna dadah

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 1 MAC 2018



MOHAMAD HASAN (empat dari kiri) bersalaman dengan Khalid Abu Bakar sambil diperhatikan Fuzi Harun (dua dari kiri) serta pegawai-pegawai Kanan Polis Kontinjen Negeri dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Warga PDRM di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

NS serius tangani salah guna dadah

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN
kota@utusangroup.com.my

■ SEREMBAN 28 FEB.

KERAJAAN Negeri Sembilan kini memberi tumpuan kepada usaha membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah yang semakin membimbangkan dalam masyarakat.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, masalah tersebut dipandang serius malah pernah dibangkitkan semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu di ibu negara baru-baru ini.

"Kita mahu pastikan isu dadah dapat dibanteras di negeri ini. Seperti yang kita tahu terdapat tiga peringkat dalam kegiatan tersebut iaitu pembekal, pengedar dan penggunaannya.

"Sebab itu perlu ada pecahan tugas untuk menyekat pembekal serta pengedar selain kena ada pasukan yang mengambil tindakan terhadap yang menggunakan dadah.

"Marilah kita bersama-masa berganding bahu membasmi kegiatan itu," katanya semasa berucap dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Polis Diraja Ma-

laysia (PDRM) Kontinjen Negeri Sembilan di sini.

15 kawasan diberi tumpuan



KERATAN Utusan Malaysia 27 Februari 2018.

laysia (PDRM) Kontinjen Negeri Sembilan di sini.

Yang turut hadir Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Dr. Awaluddin Said; bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Ketua Polis negeri, Datuk Noor Azam Jamaludin.

Acara tahunan yang dimulakan sejak tahun 2006 itu bertujuan merapatkan kerjasama antara kerajaan negeri dan PDRM.

Dalam pada itu, Mohamad melahirkan penghargaan kepada PDRM kerana berjaya membanteras judi haram dan siber di negeri ini sekali gus mengurangkan

masalah sosial yang berpunca daripada kegiatan itu.

"Saya berasa sukacita dan rakyat rasa tenang kerana judi haram dapat dibanteras. Ia menjadi punca kepada banyak masalah sosial, ada pasangan yang bercerai dan rumah terpaksa dilelong disebabkan judi.

"Saya harap PDRM teruskan kerja ini dan buatlah apa saja, kerajaan negeri akan sokong. Saya letakkan usaha membanteras judi sebagai perkara penting. Sebab itu jawatankuasa yang ditubuhkan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri," katanya.

Menurut Mohamad, sepanjang 14 tahun menjadi Menteri Besar, beliau mendapat kerjasama yang sangat baik daripada PDRM sama ada di peringkat negeri dan daerah.

Dalam majlis tersebut, Mohamad turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM565,000 kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan, ibu pejabat polis daerah, balai-balai polis dan Persatuan Keluarga Polis (Perkep) Negeri Sembilan.